

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
arisfadli@hmetro.com.my

BEBAS GEJALA SOSIAL

Bukan lagi Chow Kit dulu

Kuala Lumpur

Jalan Chow Kit di sini, yang sebelum ini sinonim dengan aktiviti pelacuran, pondan dan jenayah kini bersih daripada gejala sosial itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, usaha berterusan polis membantaras jenayah di sekitar ibu negara, khususnya di Jalan Chow Kit, berjaya membersihkan kawasan itu daripada gejala sosial berbanding 20 tahun lalu.

“Satu ketika dahulu, kawasan ini (Jalan Chow Kit) memang terkenal dengan aktiviti pelacuran dan sebagainya namun sekarang ia sudah bersih.

“Secara umumnya, kawasan ini jauh lebih baik daripada keadaan 20 tahun lalu dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media program Walkabout Ketua Polis Kuala Lumpur di sekitar Jalan Chow Kit dan Lorong Haji Taib di sini, kelmarin.

Menurutnya, walaupun kadar jenayah di kawasan itu kini jauh lebih rendah, namun pihaknya tidak menafikan masih ada kegiatan jenayah dan gejala sosial berlaku di situ.

Bagaimanapun, kata beliau, kadar jenayah itu jauh lebih sedikit berbanding sebelum ini dan secara umumnya, kawasan itu boleh dianggap bersih daripada jenayah.

“Kisah Chow Kit dipenuhi sarang pelacuran dan gejala negatif lain juga perlu dihapuskan.

“Program walkabout ini akan kita adakan di lokasi lain selepas ini,” katanya.



ALLAUDEEN beramah mesra bersama peniaga pada program Walkabout Ketua Polis Kuala Lumpur di sekitar Jalan Chow Kit dan Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

